



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 1, 4 - 6, 10, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan: KKT&P:100-4/22 (152)

12 MAR 2024

PEKELILING PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BIL.1/2024

**KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
DALAM PERKHIDMATAN AWAM PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH**

1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan penentuan kriteria umum dan kriteria kecemerlangan kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam kalangan pegawai Perkhidmatan Awam Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Dasar dan peraturan kenaikan pangkat kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam kalangan perkhidmatan awam PBT adalah berpandukan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Urusan Pemangkuhan dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Surat Pekeliling daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri rujukan JPAN(S)900-3/172 Klt.3(35) bertarikh 11 Jun 2021 (Pelaksanaan Kriteria Kenaikan pangkat jawatan fleksi gred 41/44 kumpulan pengurusan dan professional).

2.2 Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKTP) telah bersetuju untuk menyelaraskan penentuan kriteria dalam urusan kenaikan pangkat bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam kalangan Perkhidmatan Awam Pihak Berkuasa Tempatan Sabah.

“SABAH MAJU JAYA”

3. PELAKSANAAN

3.1 Kenaikan pangkat ertinya peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Menteri KTP selaras dengan Seksyen 69 (1) dan Seksyen 69 (2) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961.

3.2 **Kenaikan Pangkat Secara Hakiki Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

(i) Kenaikan pangkat pegawai bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional apabila terdapat **kekosongan jawatan tetap** menggunakan butiran hakiki jawatan sedia ada dalam Waran Perjawatan yang sedang berkuat kuasa dan tertakluk kepada kriteria-kriteria kenaikan pangkat.

3.3 **Kenaikan Pangkat Secara Fleksi (41/44)**

(i) Kenaikan pangkat pegawai ke gred 44 **tanpa kekosongan jawatan** boleh dilaksanakan dengan menggunakan butiran di jawatan fleksi 41/44 sedia ada sepertimana yang terdapat dalam Waran Perjawatan yang sedang berkuat kuasa tertakluk kepada pegawai yang terlibat memenuhi kriteria-kriteria kenaikan pangkat jawatan fleksi 41/44.

4. PRINSIP ASAS KENAIKAN PANGKAT

4.1 Pertimbangan kenaikan pangkat seseorang pegawai adalah berdasarkan merit. Dalam mempertimbangkan merit seseorang pegawai untuk kenaikan pangkat, Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira:

- (i) Kecekapan dan prestasi kerja pegawai;
- (ii) Kelayakan akademik, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pegawai;
- (iii) Sifat-sifat peribadi, termasuk kesesuaiannya dengan jawatan kenaikan pangkat itu, keutuhan, potensi dan kepimpinan pegawai; dan
- (iv) Kegiatan luar dan sumbangan pegawai kepada masyarakat dan negara.

4.2 Ketua Jabatan juga boleh mengambil kira aspek lain yang difikirkannya relevan seperti menilai kebolehan dan potensi pegawai dengan jawatan kenaikan pangkat yang dinilai melalui kaedah-kaedah lain, contohnya temu duga dan peperiksaan.

5. KRITERIA UMUM KENAIKAN PANGKAT

5.1 Kenaikan Pangkat Secara Hakiki Gred 44 dan Ke Atas

- (a) Telah disahkan dalam perkhidmatan
- (b) Memperoleh markah 85% dan ke atas bagi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini;
- (c) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;
- (d) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (e) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa;
- (f) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman Pendidikan;
- (g) Menyediakan satu (1) laporan bertulis berhubung dengan pembangunan jabatan termasuk inovasi, idea atau penambahbaikan yang memberikan impak kepada proses kerja, kepuasan pelanggan, penjimatan kos dan sebagainya serta diiktiraf (sekiranya ada). Contohnya penggerak transformasi jabatan termasuklah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Indeks Akauntabiliti, penarafan MS ISO dan sebagainya;
- (h) Diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- (i) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.

5.2 Kenaikan Pangkat Secara Fleksi 41/44

- (a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) Memperoleh markah 85% dan ke atas bagi Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini;
- (c) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;

- (d) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- (e) Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa;
- (f) Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman Pendidikan;
- (g) Pegawai telah berkhidmat dalam gred lantikan bagi tempoh **enam (6) tahun** dan ke atas;
- (h) Diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan
- (i) Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan PBT.

6. KRITERIA KECEMERLANGAN (SEKURANG-KURANGNYA TIGA KRITERIA)

- 6.1 Telah didedahkan melalui pusingan kerja bukan kerana kelemahan prestasi atau kekurangan pegawai, tetapi telah bertugas atau ditempatkan dalam bidang tugas berlainan skim perkhidmatan masing-masing.
- 6.2 Pakar Bidang / Penceramah / Penulis / Pembentang / Penyelidik/ Perunding yang memberikan impak kepada Pembangunan Majlis.
- 6.3 Pemudahcara / Jawatankuasa / Urus Setia / Setiausaha dalam persidangan/seminar/kursus.
- 6.4 Aktiviti dan pengiktirafan lain:
 - a) Sumbangan di luar tugas rasmi seperti memegang jawatan sekurang-kurangnya sebagai ahli jawatankuasa NGO/Persatuan/ Sukan / Badan Kebajikan;
 - b) Anugerah kecemerlangan atau keahlian badan professional.

7. PEMAKAIAN

- 7.1 Pekeliling ini hendaklah terpakai kepada semua Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran dan Majlis Daerah di seluruh Sabah.
- 7.2 Tertakluk kepada penerimaan pakai, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini juga pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

8. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK JAMILI NAIS, PhD)

Setiausaha Tetap

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan

KOTA KINABALU.

Tarikh : **12 MAR 2024**

Diedarkan kepada : Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Presiden Majlis Perbandaran Sandakan
Presiden Majlis Perbandaran Tawau
Pegawai Eksekutif Lembaga Bandaran Kudat
Semua Pegawai Eksekutif Majlis